## TERMA DAN SYARAT

Terma dan Syarat
Kempen Kad-i Bank Islam Visa
**“SWIPE & VROOM”**
**“1 November 2020 – 30 April 2021”**

**Tempoh Kempen**

1. Bank Islam Malaysia Berhad **(“Bank Islam”)** dan Visa Worldwide Pte. Limited **("Visa")** menganjurkan Kempen Kad-i Bank Islam Visa **“SWIPE & VROOM” (”Kempen”).** Kempen ini bermula dari **1 November 2020 – 30 April 2021 (“Tempoh Kempen”)**. Bank Islam dan Visa dirujuk sebagai **(“Pihak Penganjur”)**.

**Kelayakan**

2. Kempen ini terbuka kepada ahli kad warganegara Malaysia **(“Ahli Kad”)** yang berikut:
   a. Semua Ahli Kad Debit-i Bank Islam Visa yang baharu dan sedia ada (berumur 18 tahun dan ke atas); atau
   b. Semua Ahli Kad Utama Kad Kredit-i Bank Islam Visa yang baharu dan sedia ada (berumur 21 tahun dan ke atas); atau
   c. Semua Ahli Kad Tambahan Kad Kredit-i Bank Islam Visa yang baharu dan sedia ada (berumur 18 tahun dan ke atas).

3. Golongan individu berikut <u>tidak layak</u> untuk menyertai Kempen ini:
   a. Pekerja atau kakitangan Visa (Tetap/Kontrak); atau
   b. Pekerja atau kakitangan dari Jabatan Pemasaran, Pusat Kad Bank Islam (Tetap/Kontrak); atau
   c. Ahli Kad yang membatalkan Kad-i Bank Islam Visa semasa Tempoh Kempen atau selepas Tempoh Kempen (sehingga hadiah wang tunai dikreditkan ke akaun pemenang) ; atau
   d. Ahli Kad yang menutup semua akaun dengan Bank Islam semasa Tempoh Kempen atau selepas Tempoh Kempen (sehingga hadiah wang tunai dikreditkan ke akaun pemenang).
   e. Ahli Kad Kredit-i Bank Islam Visa Infinite Bisnes.
   f. Semua Ahli Kad Debit-i Bank Islam Visa PTPTN.

4. Semua transaksi akan dikawal selia oleh sistem berkomputer. Penghantaran borang, SMS, tandatangan kreatif/slogan, dan sebagainya tidak diperlukan.

## TERMS AND CONDITIONS

Terms and Conditions
Bank Islam Visa Card-i Campaign
**“SWIPE & VROOM”**
**“1 November 2020 – 30 April 2021”**

**The Campaign Period**

1. Bank Islam Malaysia Berhad **(“Bank Islam”)** and Visa Worldwide Pte. Limited **("Visa")** is organizing Bank Islam Visa Card-i Campaign **“SWIPE & VROOM” (“Campaign”)**. The Campaign will commence from **1 November 2020 – 30 April 2021 (“Campaign Period”)**. Bank Islam and Visa are collectively referred to as **(“Organizer”)**.

**Eligibility**

2. The Campaign is open to the following cardmembers who are Malaysian citizens **(“Cardmember”):**
   a. All new and existing Bank Islam Visa Debit Card-i (aged 18 years old and above); or
   b. All new and existing Bank Islam Visa Credit Card-i principal cardmembers (aged 21 years old and above); or
   c. All new and existing Bank Islam Visa Credit Card-i supplementary cardmembers (aged 18 years old and above).

3. The following categories of individual <u>shall not be eligible</u> to participate in the Campaign:
   a. Employees or staffs of Visa (Permanent/Contract); or
   b. Employees or staffs of Marketing Unit, Bank Islam Card Centre (Permanent/Contract); or
   c. Cardmember who cancelled their Bank Islam Visa Card-i during the Campaign Period or after the Campaign Period (until the cash prizes have been credited into winners’ accounts); or
   d. Cardmember who closed all accounts with Bank Islam during Campaign Period or after the Campaign Period (until the cash prizes have been credited into winners’ accounts).
   e. Cardmembers of Bank Islam Visa Infinite Business Credit Card-i.
   f. All Bank Islam Visa PTPTN Debit Card-i Cardmembers.

4. All transactions will be automatically tracked by the system. Submission of forms, SMS, creative signatures / slogans, etc. are not required.

**Mekanisma Kempen**

5. Jumlah penyertaan ditetapkan mengikut Kategori Kelayakan semasa Tempoh Kempen seperti berikut:-

| Mekanisma | Kelayakan |
|---|---|
| **Permohonan kad baharu**<br><br>• Kad Utama Kad Kredit-i Bank Islam Visa baharu (diluluskan dan diaktifkan)<br><br>• Kad Debit-i Bank Islam Visa baharu | 1 |
| **Perbelanjaan**<br><br>Setiap transaksi runcit minimum RM200 dalam satu resit. | 1 |

6. Perbelanjaan yang dilakukan dalam matawang asing akan ditukarkan kepada Ringgit Malaysia (RM) berdasarkan kepada kadar pertukaran semasa Visa Worldwide.

7. Terdapat dua (2) peringkat cabutan pemilihan pemenang di dalam kempen ini. Ahli Kad dikehendaki memenuhi mekanisma dalam klausa 5 untuk mendapatkan kelayakan bagi cabutan dalam tempoh yang dinyatakan di bawah:

| | **TEMPOH** KELAYAKAN |
|---|---|
| **PERINGKAT PERTAMA** | 1 Nov 2020 – 31 Jan 2021 |
| **PERINGKAT KEDUA** | 1 Feb 2021 – 30 April 2021 |

8. Contoh Kelayakan Ahli Kad untuk ilustrasi:-

| PELANGGAN<br>TRANSAKSI / AKTIVITI | STATUS KELAYAKAN |
|---|---|
| **Cik Aimi** | |
| **20/11/2020** - Cik Aimi telah memohon Kad Kredit-i Bank Islam Visa dan telah diluluskan dan diaktifkan dalam Tempoh Kempen. | Cik Aimi layak mendapat 1 kelayakan. |
| **25/12/2020** - Cik Aimi telah berbelanja RM1000 di Senheng dalam satu resit menggunakan Kad Kredit-i Bank Islam Visa beliau. | Cik Aimi layak mendapat 1 kelayakan. |
| **20/12/2020** - Cik Aimi telah melakukan transaksi bayaran bil di Pusat Perkhidmatan Maxis berjumlah RM200 dalam satu resit menggunakan Kad Kredit-i Bank Islam Visa beliau. | Cik Aimi layak mendapat 1 kelayakan. |
| **20/03/2021** - Cik Aimi telah melakukan transaksi atas talian di Shopee berjumlah RM500 dalam satu resit menggunakan Kad Kredit-i Bank Islam Visa beliau. | Cik Aimi layak mendapat 1 kelayakan.<br><br>Jumlah penyertaan untuk cabutan pertama: 3 kelayakan<br><br>Jumlah penyertaan untuk cabutan kedua: 1 kelayakan |

**Mechanics of Campaign**

5. Total participation is determined according to the following mechanics conducted during the Campaign Period:-

| Mechanic | Eligibility |
|---|---|
| **New card application**<br><br>• New Principal Bank Islam Visa Credit Card-i (approved and activated)<br><br>• New Bank Islam Visa Debit Card-i | 1 |
| **Spending**<br><br>Every retail transaction with a minimum of RM200 in a single receipt | 1 |

6. Any spending using foreign currency will be converted to Ringgit Malaysia (RM) based on Visa Worldwide current exchange rate.

7. There will be two (2) stage of draw in this Campaign. Cardmember is required to fulfil the mechanics in clause 5 within the period stated below to obtain eligibility for the draw:

| | **QUALIFYING PERIOD** |
|---|---|
| **FIRST STAGE** | 1 Nov 2020 – 31 Jan 2021 |
| **SECOND STAGE** | 1 Feb 2021 – 30 April 2021 |

8. Example of Cardmember's qualification for illustration:-

| CUSTOMER<br>TRANSACTION / ACTIVITY | ELIGIBILITY STATUS |
|---|---|
| **Cik Aimi** | |
| **20/11/2020** - Ms Aimi applied for Bank Islam Visa Credit Card-i which has been approved and activated during the Campaign Period. | Ms Aimi is entitled for 1 entry. |
| **25/12/2020** - Ms Aimi spent RM1,000 in a single receipt at Senheng using her Bank Islam Visa Credit Card-i. | Ms Aimi is entitled for 1 entry. |
| **20/12/2020** - Ms Aimi performed a bill payment at Maxis Centre amounting RM200 in a single receipt using her Bank Islam Visa Credit Card-i. | Ms Aimi is entitled for 1 entry. |
| **20/03/2021** - Ms Aimi performed online transaction at Shopee amounting RM500 in a single receipt using her Bank Islam Visa Credit Card-i. | Ms Aimi is entitled for 1 entry.<br><br>Total entries for the first draw: 3 entries.<br><br>Total entries for the second draw: 1 entry. |

| | |
|---|---|
| **Cik Shamira**<br><br>**27/11/2020** – Cik Shamira telah memohon 1 Kad Kredit-i Bank Islam Visa utama & 1 Kad Debit-i Bank Islam Visa TH dan Bank mengeluarkan kad tersebut dalam Tempoh Kempen.<br><br>**20/04/2021** - Cik Shamira telah berbelanja RM2,800 di Perak dalam satu resit menggunakan Kad Debit-i Bank Islam Visa beliau.<br><br>**15/05/2021** - Cik Shamira telah berbelanja RM1,000 di Australia dalam satu resit menggunakan Kad Kredit-i Bank Islam Visa beliau. | Cik Shamira layak mendapat 2 penyertaan.<br><br>Cik Shamira layak mendapat 1 kelayakan.<br><br>Cik Shamira tidak mendapat sebarang kelayakan kerana melakukan perbelanjaan apabila Tempoh Kempen telah tamat.<br><br>Jumlah penyertaan untuk cabutan pertama: 2 kelayakan<br><br>Jumlah penyertaan untuk cabutan kedua: 1 kelayakan |
| **Encik Johan**<br><br>**15/01/2021** - Encik Johan berbelanja RM1000 dalam satu resit untuk pembelian dalam talian menggunakan Kad Debit-i Bank Islam Visa Team Harimau.<br><br>**15/01/2021** - Encik Johan berbelanja RM400 dalam satu resit untuk pembelian dalam talian menggunakan Kad Debit-i Bank Islam Visa Team Harimau.<br><br>**30/03/2021** - Encik Johan berbelanja RM500 dalam satu resit untuk pembelian dalam talian menggunakan Kad Debit-i Bank Islam TH. | Encik Johan mendapat 1 kelayakan.<br><br>Encik Johan mendapat 1 kelayakan.<br><br>Encik Johan mendapat 1 kelayakan.<br><br>Jumlah penyertaan untuk cabutan pertama: 2 kelayakan<br><br>Jumlah penyertaan untuk cabutan kedua: 1 kelayakan |
| **Puan Maya**<br><br>**20/01/2021** - Puan Maya berbelanja RM100 dalam satu resit di sebuah stesen minyak di Malaysia menggunakan Kad Debit-i Bank Islam Visa Team Harimau.<br><br>**20/05/2021** - Puan Maya berbelanja RM400 dalam satu resit di sebuah stesen minyak di Malaysia menggunakan Kad Debit-i Bank Islam Visa Team Harimau. | Puan Maya tidak mendapat sebarang kelayakan kerana dia tidak menepati mekanisma kempen.<br><br>Puan Maya tidak mendapat sebarang kelayakan kerana Tempoh Kempen telah tamat. |

| | |
|---|---|
| **Ms Shamira**<br><br>**27/11/2020** - Ms Shamira applied for a Principal Bank Islam Visa Credit Card-i and a Bank Islam Visa TH Debit Card-i and the cards were issued during Campaign Period.<br><br>**20/04/2021** - Ms Shamira spent RM2,800 in a single receipt in Perak by using her Bank Islam Visa Credit Card-i.<br><br>**15/05/2021** - Ms Shamira spent RM1,000 at Australia in a single receipt by using her Bank Islam Visa Credit Card-i. | Ms Shamira is entitled for 2 entries.<br><br>Ms Shamira is entitled for 1 entry.<br><br>Ms Shamira is not entitled for any entry because she performed transaction after Campaign Period has ended.<br><br>Total entries for the first draw : 2 entries.<br><br>Total entries for the second draw : 1 entry. |
| **Mr Johan**<br><br>**15/01/2021** - Mr Johan spent RM1000 in one receipt for online purchase using Bank Islam Visa Team Harimau Debit Card-i.<br><br>**15/01/2021** - Mr Johan spent RM400 in one receipt for online purchase using Bank Islam Visa Team Harimau Debit Card-i.<br><br>**30/03/2021** - Mr Johan spent RM500 in one receipt for online purchase using Bank Islam Visa TH Debit Card-i. | Mr Johan is eligible for 1 entry.<br><br>Mr Johan is eligible for 1 entry.<br><br>Mr Johan is eligible for 1 entry.<br><br>Total entries for the first draw : 2 entries.<br><br>Total entries for the second draw: 1 entry. |
| **Madam Maya**<br><br>**20/01/2021** - Madam Maya spent RM100 in one receipt at a petrol station in Malaysia with her Bank Islam Visa Team Harimau Debit Card-i.<br><br>**20/05/2021** - Madam Maya spent RM400 in one receipt at a petrol station in Malaysia with her Bank Islam Visa Team Harimau Debit Card-i. | Madam Maya is not eligible for any entry because the she did not meet the campaign mechanics.<br><br>Madam Maya is not eligible for any entry because the Campaign Period has ended. |

**Hadiah & Pemilihan Pemenang**

9. Ahli Kad berpeluang memenangi hadiah-hadiah seperti berikut bagi setiap cabutan:-

| KATEGORI HADIAH | HADIAH | JUMLAH PEMENANG | |
|---|---|---|---|
| | | CABUTAN PERTAMA | CABUTAN KEDUA |
| Hadiah Utama | Proton Saga | 1 pemenang | 1 pemenang |
| Hadiah Kedua | Yamaha Y15ZR | 2 pemenang | 2 pemenang |
| Hadiah Ketiga | RM 1,000 Tunai | 5 pemenang | 5 pemenang |
| Hadiah Sagu Hati | RM 500 Tunai | 20 pemenang | 20 pemenang |

10. Ahli Kad hanya layak untuk memenangi satu (1) Hadiah sahaja sepanjang Tempoh Kempen.

11. Para pemenang akan dipilih melalui sistem cabutan berkomputer.

12. Pemilihan pemenang untuk setiap peringkat akan dibuat selepas tempoh yang dinyatakan dalam klausa 7 di atas.

13. Tertakluk kepada Klausa 22, Pemenang akan dimaklumkan melalui panggilan telefon / SMS / surat / emel / paparan atau siaran di laman web Bank Islam atau melalui mana-mana kaedah komunikasi lain seperti yang diberitahu oleh Bank Islam.

14. Hadiah tunai akan dikreditkan ke akaun para pemenang (akaun kad kredit-i/ akaun semasa/akaun simpanan/akaun pelaburan bertransaksi Al-Awfar) dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh nama pemenang diumumkan.

15. Sebarang terma dan syarat Kempen yang tidak dipatuhi akan menyebabkan Ahli Kad tersingkir dari Kempen ini, dan Ahli Kad yang lain akan dipilih sebagai pemenang.

**Syarat Am**

16. Ahli Kad adalah dinasihati untuk membaca dan memahami Terma-terma dan Syarat-syarat di sini sebelum mengambil bahagian di dalam mana-mana kempen kami.

17. Untuk mengambil bahagian di dalam kempen kami, Ahli Kad mestilah termasuk di dalam Kriteria Kelayakan dan memenuhi mekanisma kempen. Melainkan dinyatakan sebaliknya oleh Bank Islam, Ahli Kad tidak perlu menandatangani atau melengkapkan apa-apa borang permohonan untuk mengambil bahagian di dalam kempen tersebut.

18. Dengan mengambil bahagian di dalam Kempen ini, Ahli Kad akan:

    a. membenarkan Bank Islam untuk mendedahkan maklumat peribadinya kepada penyedia perkhidmatan Bank Islam setakat mana yang perlu untuk tujuan Kempen ini;

**Prizes & Selection of Winners**

9. Cardmembers will stand a chance to win the following prizes for each draw: -

| PRIZE CATEGORIES | PRIZES | NO. OF WINNERS | |
|---|---|---|---|
| | | FIRST STAGE | SECOND STAGE |
| Grand Prize | Proton Saga | 1 winner | 1 winner |
| Second Prize | Yamaha Y15ZR | 2 winners | 2 winners |
| Third Prize | RM 1,000 Cash | 5 winners | 5 winners |
| Consolation | RM 500 Cash | 20 winners | 20 winners |

10. Cardmembers are only eligible to win one (1) Prize during the Campaign Period.

11. Winners will be selected by a computerized drawing system.

12. Winner selection for each stage will be conducted after the period stated in clause 7 above.

13. Subject to Clause 22, Winners will be notified via phone calls / SMS / mail / email / display or broadcast in Bank Islam's website or through any other communication medium as communicated by Bank Islam.

14. Cash prizes will be credited into winner's account (credit card-i account/ savings account / current account / Al-Awfar transactional investment account) within one (1) month from the date of the winners' name were announced.

15. Any terms and conditions of the Campaign that are not complied with will result in the disqualification of Cardmembers from this Campaign, and other Cardmembers will be selected as winners.

**General Conditions**

16. Cardmembers are advised to read and understand these Terms and Conditions before participating in any of our campaigns.

17. To participate in our campaigns, Cardmembers must fall within the Eligibility Criteria and fulfill the campaign mechanics. Unless stated otherwise by Bank Islam, Cardmembers are not required to sign up or fill up any application form to participate in the said campaign.

18. By participating in this Campaign, the Cardmember shall :

    a. give consent for Bank Islam to disclose their personal data to Bank Islam's service provider to the extent necessary for the purpose of this Campaign;

b. bersetuju untuk Bank Islam menerbitkan atau memaparkan nama-namanya atau gambar-gambar di dalam media pemasaran atau laman sesawang Bank Islam untuk tujuan Kempen ini (dimana berkenaan); dan

c. bersetuju dengan keputusan Bank Islam terhadap semua perkara berkaitan dengan Kempen ini, pemilihan pemenang-pemenang dan hadiah-hadiah melalui enjin cabutan umum Bank Islam adalah muktamad, konklusif, dan mengikat ke atas semua Ahli Kad dan tiada surat menyurat selanjutnya dan/atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan Bank Islam akan dilayan.

b. agree for Bank Islam's to publish or display their names or photos in media, marketing or Bank Islam's website for the purpose of this Campaign (where applicable); and

c. agree to Bank Islam's decision on all matters relating to the Campaign, selection of winners and prizes via Bank Islam's generic draw engine shall be final, conclusive and binding on all Cardmembers and no further correspondence and / or appeal to dispute Bank Islam's decision shall be entertained.

19. Bank Islam dengan ini tidak bertanggungjawab bagi apa-apa tanggungjawab cukai yang mungkin timbul daripada hadiah-hadiah atau penggunaannya. Sekiranya terdapat apa-apa tanggungjawab pemfailan cukai atau bayaran cukai (sekiranya ada) kepada jabatan berkuasa yang berkenaan lanjutan daripada penerimaan hadiah-hadiah ianya tetap dibawah tanggungjawab pemenang-pemenang sepenuhnya. Adalah menjadi tanggungjawab pemenang untuk mendapatkan nasihat bebas mengenai tanggungjawab cukai yang mungkin timbul terhadap kedudukan kewangan mereka.

19. Bank Islam accepts no responsibility for any tax responsibilities that may arise from the prizes or the use thereof. Any tax filing obligation or tax payment (if any) due to any tax authority as a result of receipt of the prizes remains the sole responsibility of the winners. It is the responsibility of the winners to seek an independent tax advice on the possible tax responsibilities to their financial situations.

20. Hadiah-hadiah dalam Kempen ini tidak termasuk kos-kos lain seperti pengangkutan melainkan kos seperti yang dinyatakan di dalam terma dan syarat ini (jika ada).

20. This Campaign prizes do not include any other incidental expenses e.g. transportation whatsoever, unless expressly stated in these terms and conditions (if any).

21. Hadiah (dimana berkenaan) ini tidak boleh ditebus atau ditukarkan dengan hadiah lain atau wang tunai. Pemenang-Pemenang hadiah mestilah menerima hadiah seperti sedia ada ("as it is") dan mengakui bahawa Bank Islam tidak akan bertanggungjawab ke atas nilai hadiah berikutan harga hadiah yang berbeza di pasaran ketika pemenang menebus/memungut hadiah pada masa seperti yang ditetapkan oleh Bank Islam.

21. The prize (where applicable) is not redeemable or exchangeable for any other items or cash. Winners must accept the prizes 'as it is' and must acknowledge that Bank Islam shall not be held responsible in the value of the prizes due to the variation of prices in the market during the prize redemption / collection by the winners at the time stipulated by Bank Islam.

22. Jika hadiah (dimana berkenaan) yang dimenangi tidak dapat diperolehi atas apa juga sebab, Bank Islam di atas budi bicara mutlaknya berhak menggantikan hadiah lain yang sama nilai dengan hadiah yang dimenangi atau dengan apa jua hadiah yang Bank Islam anggap sesuai dengan memberikan notis kepada Ahli Kad sekurang-kurangnya empat belas (14) hari sebelum tarikh pengumuman pemenang dijadualkan akan dibuat oleh Bank Islam. Kaedah pemberitahuan boleh dilakukan secara bertulis melalui cara elektronik, atau dipaparkan di cawangan-cawangan Bank Islam dan/atau di laman sesawang Bank Islam.

22. If the prize (where applicable) is not available for whatsoever reason, Bank Islam reserves the right to substitute the prize for any item at its absolute discretion of equivalent value or with any other items whichever Bank Islam deems appropriate upon Bank Islam issuing at least fourteen (14) days prior notice to all Cardmembers from the date prize winner announcement is scheduled to be made by Bank Islam. The mode of notifications could be in writing, via electronic means or displayed at Bank Islam's branches and/or website.

23. Semua Pemenang akan dihubungi oleh Bank Islam melalui telefon sekurang-kurangnya tiga (3) panggilan telefon kepada pemenang-pemenang bagi mengatur pemungutan/penyerahan hadiah. Bank Islam akan menghubungi pemenang-pemenang melalui Nombor Telefon Bimbit, Nombor Telefon Pejabat Atau Nombor Telefon Rumah sepertimana yang terdapat di dalam rekod Bank Islam. Sekiranya pemenang gagal dihubungi, Bank Islam berhak untuk membuat cabutan baharu/lain untuk Ahli Kad yang lain sebagai pemenang. Wakil pemenang tidak dibenarkan untuk mengambil hadiah bagi pihak mereka.

23. All winners will be contacted by Bank Islam, i.e. via telephone with a minimum of three (3) phone calls to arrange for collection / delivery of the prizes. Bank Islam will contact the winners i.e. via the Mobile Number, Office Number or Residence Number as stated in Bank Islam's record. In the event the winner is unable to be contacted by Bank Islam, Bank Islam reserves the right to conduct new / another draw for any Cardmember to be the winner. No representative of the winners is allowed to collect the prize on behalf of them.

24. Pemenang-pemenang mungkin akan dijemput untuk menghadiri majlis penyampaian hadiah atau majlis seumpamanya (jika ada) di lokasi dan tarikh yang akan ditetapkan kemudian. Pemenang-pemenang adalah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap segala perbelanjaan yang timbul bagi menghadiri majlis penyampaian hadiah tersebut.

24. Winners may be invited to attend prize presentation ceremony or other publicity events (if any) at the location to be advised on a later date. Winners are fully responsible for all expenses incurred in attending the said prize giving ceremony.

25. Sebagai mematuhi Akta Perlindungan Data Peribadi (PDPA) 2010, Bank Islam akan melindungi data peribadi pelanggan-pelanggan. Dengan menyertai Kempen ini, pemenang-pemenang memberikan kebenaran dan bersetuju untuk menyiarkan atau memaparkan nama dan gambar mereka di mana-mana media mengikut budi bicara Bank Islam. Oleh yang demikian, Bank Islam berhak untuk menyiarkan atau memaparkan nama dan gambar pemenang-pemenang bagi tujuan promosi atau publisiti.

26. Bank Islam dan sekutunya berserta pengarah-pengarah, pegawai-pegawai, pekerja-pekerja dan ejen-ejen yang terlibat tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kesilapan dalam pentaksiran fakta, dan/atau sebarang kecederaan dan/ atau kehilangan ke atas nyawa dan/atau kerugian harta benda berikutan hadiah yang dimenangi menerusi Kempen ini dan adalah tidak bertanggungjawab dalam apa cara sekalipun samada secara langsung atau tidak langsung, ke atas sebarang kerugian atau kerosakan atau apa-apa kecederaan peribadi dan/ atau apa-apa yang dialami oleh Ahli Kad yang berlaku secara langsung atau tidak langsung, secara keseluruhan atau sebahagian, berhubung dengan penyertaan mereka dalam Kempen ini atau penerimaan atau semasa menggunakan hadiah atau apa-apa yang dialami semasa dalam perjalanan untuk menebus atau mengambil hadiah dan/atau akibat daripada sebarang tindakan atau pengabaian apa juga dari Bank Islam, kecuali apa-apa liabiliti yang tidak dikecualikan oleh undang-undang. Bank Islam tidak akan bertanggungjawab dalam apa cara sekalipun bagi segala urusan di luar bidang dan kawalan Bank Islam dalam pentadbiran dan pemprosesan Kempen ini.

27. Bank Islam berhak untuk meminda, membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen ini dengan memberikan notis yang secukupnya dalam tempoh tidak kurang daripada empat belas (14) hari sebelum tarikh pindaan, pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut. Kaedah pemberitahuan boleh dilakukan secara bertulis melalui media elektronik, atau dipaparkan di cawangan-cawangan Bank Islam mahupun di laman sesawang Bank Islam. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pindaan, pembatalan, penamatan atau penggantungan Kempen ini oleh Bank Islam, tidak membolehkan Ahli Kad yang menyertai Kempen ini membuat sebarang tuntutan atau pampasan terhadap Bank Islam bagi sebarang kerugian atau kerosakan atau apa juga yang ditanggung atau dialami oleh pelanggan-pelanggan samada secara langsung dan tidak langsung akibat daripada pindaan pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut.

28. Ahli Kad adalah dinasihatkan untuk melayari laman sesawang Bank Islam dari masa ke semasa untuk menyemak Terma-Terma dan Syarat-Syarat untuk mengambil maklum atas sebarang perubahan atau pindaan kepada Terma-terma dan Syarat-syarat ini.

29. Terma-terma dan Syarat-syarat di dalam ini adalah tambahan dan tanpa prejudis kepada Terma-terma dan Syarat-syarat Kad Debit-i Bank Islam dan Kad Kredit-i Bank Islam. Sekiranya ada di antara terma-terma dan syarat-syarat tersebut yang tidak konsisten, Terma-terma dan Syarat-syarat ini akan diguna pakai bagi tujuan penafsiran dan penguatkuasaan kempen ini.

30. Semua Terma-terma dan Syarat-syarat di dalam ini adalah tertakluk dan akan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan Ahli Kad bersetuju untuk terikat dengan bidang kuasa Mahkamah-Mahkamah Malaysia.

25. In compliance with the Personal Data Protection Act (PDPA) 2010, Bank Islam shall protect the personal data of the customers. By participating in this Campaign, winners shall consent and agree that their names and photographs may be published in any media selected by Bank Islam as it deems fit for promotion and publicity purposes.

26. Bank Islam and its affiliates and their respective directors, officers, employees and agents shall not be liable for any misinterpretation on facts, and / or inflicted injuries and / or loss of lives and / or valuables resulting from the prizes won through this Campaign and shall not be liable, whether direct or consequential, for any loss and damage or for any personal injury and / or whatsoever suffered or sustained by the Cardmembers caused directly or indirectly, in whole or in part, in connection with this Campaign or their participation in this Campaign or the receipt or use of any of the prizes or may be suffered in the course of the prize giving travel and / or as a result of any act or omission on the part of Bank Islam whatsoever, except for any liability which cannot be excluded by law. Bank Islam shall not be responsible in any way whatsoever, in respect of any matters beyond Bank Islam's control with regard to this Campaign or anything related thereto.

27. Bank Islam reserves the rights to amend, cancel, terminate, or suspend the Campaign by providing sufficient notice not less than fourteen (14) days prior to the date of amendment, cancellation, termination or suspension. The mode of notification could be in writing, via electronic means or display of notices at Bank Islam's branches and / or website. For the avoidance of doubt, amendment, cancellation, termination or suspension by Bank Islam of the Campaign shall not entitle the Cardmembers who participate in this Campaign to any claim or compensation against Bank Islam for any losses or damages whatsoever suffered or incurred as a direct and indirect result of the act of amendment, cancellation, termination or suspension.

28. Cardmembers are advised to access Bank Islam's website from time to time to view the Terms and Conditions and to ensure to be kept up-to-date on any change or variation to the Terms and Conditions thereof.

29. The Terms and Conditions herein contained are in addition to and without prejudice to the Bank Islam Debit Card- and Bank Islam Credit-i Terms and Conditions. In the event of any inconsistency between these terms and conditions, this Terms and Conditions shall prevail for the purpose of interpretation and enforcement of this Campaign.

30. The Terms and Conditions herein shall be governed by and construed in accordance with the laws of Malaysia and the Cardmembers agree to submit to the jurisdiction of the Courts of Malaysia.

**Untuk maklumat lanjut, sila kunjungi cawangan Bank Islam atau hubungi Pusat Panggilan dan Khidmat Pelanggan kami di 03 26 900 900 atau layari laman sesawang kami di https://www.bankislam.com**

**For more information, please visit Bank Islam branches or call our Contact Centre and Customer Care at 03 26 900 900 or visit our website at https://www.bankislam.com**

---END OF DOCUMENT--